

# ZOVIRAX® CREAM 5% W/W

Acyclovir (5% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ZOVIRAX
2. Bagaimana ZOVIRAX berfungsi
3. Sebelum mengambil ZOVIRAX
4. Cara menggunakan ZOVIRAX
5. Semasa menggunakan ZOVIRAX
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ZOVIRAX
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan ZOVIRAX

Ia digunakan untuk merawat kudis selesama dan jangkitan genital yang disebabkan oleh virus herpes simpleks.

## Bagaimana ZOVIRAX berfungsi

Krim Zovirax mengandungi sejenis ubat yang dikenali sebagai acyclovir. Ia tergolong dalam satu kumpulan ubat yang dikenali sebagai antivirus. Ia berfungsi dengan membunuh atau menghentikan pertumbuhan virus yang menyebabkan kudis selesama atau herpes genital.

## Sebelum mengambil ZOVIRAX

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan Zovirax jika:

- anda alah (hipersensitif) terhadap acyclovir, valaciclovir, propylene glycol atau mana-mana bahan kandungannya.

Jika anda tidak pasti, berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Zovirax.

### - Sebelum mula mengambil

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum gunakan Zovirax jika:

- anda mempunyai satu keadaan di mana sistem imun anda tidak berfungsi dengan baik dan badan anda kurang mampu untuk melawan jangkitan (misalnya, jika anda mempunyai *human immunodeficiency virus* (HIV) atau AIDS atau jika anda telah menjalani pemindahan sumsum tulang).

Jika anda tidak pasti, berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan Zovirax.

*Kehamilan dan penyusuan anak*  
Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat sebelum menggunakan sebarang ubat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat. Ini termasuk ubat-ubat yang dibeli tanpa preskripsi, termasuk ubat-ubat herba.

## Cara menggunakan ZOVIRAX

### - Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa menggunakan Zovirax sebagaimana yang diarahkan oleh doktor anda. Anda harus berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

## Orang dewasa dan kanak-kanak

- Sapu satu lapisan nipis krim pada bahagian yang terjejas lima kali sehari.

- Anda harus selangkan setiap sapuan Zovirax selama 4 jam. Masa yang dicadangkan ialah: 7am, 11am, 3pm, 7pm dan 11pm.
- Jika kudis selesama anda tidak sembah selepas 4 hari, atau kudis herpes genital anda tidak sembah selepas 5 hari, anda boleh menggunakan krim ini untuk 5 hari lagi.
- Jika bahagian terjejas masih tidak sembah selepas ini, berhenti menggunakan krim ini dan beritahu doktor anda.

## Sapuan krim

- Krim Zovirax tidak harus digunakan di dalam mulut, mata atau faraj anda.
- Anda tidak harus campurkan Zovirax dengan apa-apa sebelum anda menggunakan, walaupun air.
- Sentiasa mencuci tangan anda sebelum dan selepas anda menggunakan krim ini.

### - Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Terus menggunakan Zovirax untuk jangka masa yang dipreskripsikan oleh doktor anda. Jika kudis selesama anda tidak sembah selepas 4 hari, atau kudis herpes genital anda tidak sembah selepas 5 hari, anda boleh menggunakan krim ini untuk 5 hari lagi.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menggunakan Zovirax, gunakannya sebaik sahaja anda teringat.

Namun, jika sudah hampir masa sapanan seterusnya, abaikan sapanan yang terlupa.

Jangan gunakan dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Berjuma dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan terlalu banyak Zovirax. Krim Zovirax hanya untuk digunakan pada kulit sahaja, jika anda tertelan krim ini, berjuma dengan doktor atau ahli farmasi anda.

**Semasa menggunakan ZOVIRAX**

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Berjuma dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat anda dan menggunakan seperti yang dipreskripsi oleh doktor anda.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Ubat ini hanya dipreskripsi untuk anda sahaja. Jangan berinya kepada orang lain. Ia mungkin memudaratkan mereka, walaupun gejala mereka sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Krim Zovirax tidak harus digunakan di dalam mulut, mata atau faraj. Krim Zovirax mungkin menyebabkan iritasi kulit.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat, Zovirax boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, tetapi bukan setiap orang mengalami mereka. Kesan-kesan sampingan berikut

mungkin berlaku dengan ubat ini:

Reaksi alahan (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 10,000 orang)

Jika anda mengalami reaksi alahan, berhenti mengambil Zovirax dan jumpa doktor dengan segera. Tanda-tanda termasuk:

- ruam, kegatalan atau gatal-gatal pada kulit anda
- bengkak pada muka, bibir, lidah atau bahagian badan anda yang lain
- kesesakan nafas, berdehit atau kesukaran bernafas
- demam panas yang tidak dapat dijelaskan (suhu tinggi) dan rasa pengsan, terutamanya semasa berdiri.

Kesan-kesan sampingan lain termasuk:

*Tidak lazim berlaku* (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 100 orang)

- sensasi pedih atau terasa mencucuk selepas menyapu krim yang hilang dengan sendiri
- kulit kering atau mengelupas yang ringan
- kegatalan.

*Jarang-jarang sekali berlaku* (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 1,000 orang)

- kemerahan kulit anda
- ruam kulit.

Jika mana-mana kesan sampingan ini bertambah serius, atau jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak tersenarai dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:

03-78835550, atau laman [webportal.bpfk.gov.my](http://webportal.bpfk.gov.my) (Consumers → Reporting)

**Cara penyimpanan dan pelupusan ZOVIRAX**

- *Penyimpanan*

- Jauhkan daripada capaian dan penglihatan kanak-kanak.
- Simpan di bawah suhu 25°C.
- Jangan simpan di dalam peti sejuk.
- Jangan gunakan Zovirax selepas tarikh luput yang tertera atas karton dan tiub. Tarikh luput (Exp.) ini merujuk kepada hari terakhir dalam bulan itu.

- *Pelupusan*

Ubat-ubat tidak harus dilupuskan melalui air sisa atau sisa-sisa buangan isi rumah. Rujuk kepada ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- *Rupa dan warna produk*

Krim putih halus yang mengandungi 5% w/w acyclovir di dalam asas terlarutcampur air yang mengandungi propylene glycol.

Bekas: 2 gm, 5 gm dan 10 gm; tiub aluminium boleh lipat dengan meterai membran, bahagian dalaman berlakuer, dan penutup skru plastik.

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif

5% w/w acyclovir

- Bahan tidak aktif

Poloxamer 407, White Soft Paraffin, Cetostearyl Alcohol,

Liquid paraffin, Arlacel 165  
Dimethicone 20, Propylene  
Glycol, Purified water, Sodium  
Lauryl Sulphate

- Nombor MAL

MAL19860863A

**Pengilang**

Glaxo Wellcome Operations,

Harmire Road, Barnard Castle,  
Durham, UK, DL12 8DT,  
United Kingdom

**Pemegang Pendaftaran**

**Produk**

GlaxoSmithKline  
Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
Level 6, Quill 9,  
112 Jalan Semangat,  
46300 Petaling Jaya,

Selangor, Malaysia

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
- 04/02/2016

**Nombor Siri**

BPK(R4/1)231115/00447